



28 Mac 2019

KENYATAAN MEDIA
Untuk Siaran Segera

PUSPAKOM SARAN PEMANDU KENDERAAN E-HAILING HADIR PEMERIKSAAN

Shah Alam, 28 Mac 2019 – Selaras dengan pengumuman yang dibuat oleh Kementerian Pengangkutan, PUSPAKOM Sdn Bhd (PUSPAKOM) menyarankan agar semua pemandu kenderaan E-Hailing tidak menunggu hingga saat akhir untuk membawa kenderaan mereka hadir menjalani pemeriksaan di PUSPAKOM, sebelum peraturan E-Hailing dikuatkuasakan bermula 12 Julai 2019.

Sementara itu, PUSPAKOM telah mengambil pelbagai inisiatif dan langkah yang proaktif bagi memenuhi permintaan pemandu kenderaan E-Hailing. Ini adalah tanda keprihatinan PUSPAKOM terhadap para pengusaha dan pemandu E-Hailing. Antaranya adalah seperti berikut:

NO	PERKARA	CATATAN
1.	LANJUTAN WAKTU OPERASI KHAS UNTUK E-HAILING <ul style="list-style-type: none">• Operasi tujuh (7) hari seminggu di 19 cawangan terpilih• Operasi enam (6) hari seminggu di 10 cawangan terpilih• Waktu operasi tambahan dua (2) jam di 19 cawangan terpilih	<ul style="list-style-type: none">➤ Berkuatkuasa mulai 1 April 2019 dikhaskan untuk melancarkan pemeriksaan E-Hailing.➤ Layari laman sesawang PUSPAKOM www.puspakom.com.my atau ruangan “pengumuman” di laman sesawang PUSPAKOM untuk mendapatkan maklumat jadual lanjutan waktu operasi yang terkini.
2.	TAKLIMAT E-HAILING KHAS UNTUK PEMANDU <ul style="list-style-type: none">• Cawangan Petaling Jaya• Cawangan Mak Mandin• Cawangan Taman Daya	<ul style="list-style-type: none">➤ Diadakan dari April hingga Julai bertujuan mendekati dan membantu para pengusaha dan pemandu memahami prosedur serta piawaian pemeriksaan yang perlu dipatuhi.➤ Layari Facebook rasmi PUSPAKOM Sdn Bhd untuk mendapatkan perkembangan terkini.

NO	PERKARA	CATATAN
3.	GARIS PANDUAN E-HAILING KHAS KEPADA PEMANDU	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Memberi keterangan yang lebih jelas mengenai kadar bayaran, jenis pemeriksaan dan piawaian pemeriksaan yang perlu dipatuhi. ➤ Disediakan di ruangan “pengumuman” di laman sesawang PUSPAKOM atau http://www.puspakom.com.my/pemeriksaan-kenderaan-e-hailing/

“Walaupun pihak kami telah bersedia menerima kehadiran kenderaan E-Haling semenjak Januari 2019 lagi, namun sehingga kini cawangan kami masih belum menerima kenderaan bagi menjalani pemeriksaan tersebut,” menurut Ketua Pegawai Eksekutif PUSPAKOM, Shukor Ismail.

“Pihak kami berharap agar para pemandu E-Hailing yang mempunyai kenderaan berusia 3 tahun dan ke atas daripada tarikh pendaftaran, membawa kenderaan tersebut ke cawangan-cawangan PUSPAKOM pada hari Sabtu dan Ahad ini, untuk merebut peluang pemeriksaan E-Hailing khas untuk mereka,” tambah Shukor.

“Kami menggalakkan para pengusaha dan pemandu E-Hailing untuk menggunakan sistem temujanji dalam talian melalui website www.mypuspakom.com.my atau melalui applikasi MyPUSPAKOM bagi merancang waktu pemeriksaan mereka. Kami komited bahawa pemeriksaan akan selesai dalam masa 1 jam,” kata Shukor.

“Kami juga menyediakan Perkhidmatan Unit Bergerak Trak PUSPAKOM dengan kuantiti kenderaan yang tertentu. Para pengusaha boleh menghubungi kami untuk membuat temujanji,” tambah Shukor.

Semua kakitangan PUSPAKOM telah bersiap sedia dalam memberi perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan. Untuk sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, para pelanggan boleh menghubungi talian bebas tol PUSPAKOM di 1-800-88-6927 atau emel customerservice@puspakom.com.my atau layari laman Facebook rasmi PUSPAKOM Sdn Bhd atau laman sesawang www.puspakom.com.my

###

Jabatan Komunikasi & Khidmat Pelanggan

Ibu Pejabat PUSPAKOM Sdn. Bhd.

Tel: +603-2052 7465 / 7322

Pengumuman lanjutan operasi PUSPAKOM:



Waktu Operasi Berkuatkuasa 1 April 2019

HARI / SEMINGGU	WAKTU OPERASI	CANANGAN TERJEJAS
7 HARI SEMINGGU	Isnin - Jumaat: 08.00 pg - 7.00 minit Sabtu & Ahad: 08.00 pg - 5.00 pg	<p>WAKTU OPERASI NORMAL</p> <p>2 jam operasi setiap hari</p>
6 HARI SEMINGGU	Isnin - Jumaat: 08.00 pg - 7.00 minit Sabtu: 08.00 pg - 5.00 pg Ahad TUTUP	<p>WAKTU OPERASI NORMAL</p>

Garis panduan pemeriksaan E-Hailing:



ALIRAN PEMERIKSAAN

- MELAKSANAKAN DAFTARAN KE PUSPAKOM
- SILA DAFTAR DI BAHAGIAN PEMERIKSAAN
- TERUS KE KAWATAN PEMERIKSAAN
- TERUS KE KAWATAN PEMERIKSAAN
- TERUS KE KAWATAN PEMERIKSAAN
- TERUS KE KAWATAN PEMERIKSAAN
- TERUS KE KAWATAN PEMERIKSAAN
- TERUS KE KAWATAN PEMERIKSAAN

INFORMASI PENTING

Pemilihan kenderaan

- Kenderaan yang layak untuk pemeriksaan
- Kenderaan yang layak untuk pemeriksaan
- Kenderaan yang layak untuk pemeriksaan

Badan Kenderaan

- Tidak melebihi 2 m dan tidak melebihi 1.8 m
- Tidak melebihi 2 m dan tidak melebihi 1.8 m
- Tidak melebihi 2 m dan tidak melebihi 1.8 m

Seter nombor plate

- Tidak melebihi 2 m dan tidak melebihi 1.8 m
- Tidak melebihi 2 m dan tidak melebihi 1.8 m
- Tidak melebihi 2 m dan tidak melebihi 1.8 m

PERIKSAAN KENDERAAN E-HAILING

Kenderaan boleh diperiksa di PUSPAKOM mulai 1 April 2019

PERIKSAAN YANG PERLU DILAKUKAN OLEH E-HAILING

Pemeriksaan Berkala Pertama	Pemeriksaan Berkala	Pemeriksaan Berkala Semula
<ul style="list-style-type: none"> • Pemilik kenderaan yang mendaftarkan kenderaan yang berumur 3 tahun dan ke atas • Pemilik kenderaan yang mendaftarkan kenderaan yang berumur 3 tahun dan ke atas • Pemilik kenderaan yang mendaftarkan kenderaan yang berumur 3 tahun dan ke atas 	<ul style="list-style-type: none"> • Pemilik kenderaan yang mendaftarkan kenderaan yang berumur 3 tahun dan ke atas • Pemilik kenderaan yang mendaftarkan kenderaan yang berumur 3 tahun dan ke atas • Pemilik kenderaan yang mendaftarkan kenderaan yang berumur 3 tahun dan ke atas 	<ul style="list-style-type: none"> • Pemilik kenderaan yang mendaftarkan kenderaan yang berumur 3 tahun dan ke atas • Pemilik kenderaan yang mendaftarkan kenderaan yang berumur 3 tahun dan ke atas • Pemilik kenderaan yang mendaftarkan kenderaan yang berumur 3 tahun dan ke atas

Pemeriksaan yang perlu dilakukan oleh kenderaan E-Hailing di PUSPAKOM:

PERIKSAAN BERKALA PERTAMA	PERIKSAAN BERKALA BERKALA	PERIKSAAN BERKALA SEMULA
Perlu dilakukan bagi kenderaan yang telah mencapai usia 3 tahun daripada tarikh pendaftaran kenderaan di JPJ	Perlu dilakukan bagi kenderaan E-Hailing yang berusia 3 tahun dan ke atas daripada tarikh pendaftaran kenderaan di JPJ	Perlu dilakukan jika GAGAL Pemeriksaan Berkala
Ingin mendaftar dengan pihak JPJ/APAD sebagai E-Hailing untuk kenderaan yang berusia lebih 3 tahun daripada tarikh pendaftaran	Telah mendaftar dengan pihak JPJ/APAD sebagai kenderaan E-Hailing semasa kenderaan berusia kurang 3 tahun daripada tarikh pendaftaran	Jika GAGAL Pemeriksaan Berkala, pemilik perlu hadir dalam tempoh 30 hari daripada tarikh GAGAL Pemeriksaan Berkala
Dilakukan sekali sahaja bagi tujuan pendaftaran	Sekali pada setiap 12 bulan	-
Kadar bayaran adalah RM70.00	Kadar bayaran adalah RM55.00	Kadar bayaran adalah RM25.00
<ul style="list-style-type: none"> • Temujanji boleh dibuat secara dalam talian melalui MyPUSPAKOM • Hadir secara walk-in diterima 		